

POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.
KPTMSB.IGU.PL.04

No. Keluaran	1
No. Semakan	0
Tarikh Kuatkuasa	01 September 2024
Status	Dikawal

	<u>Disediakan oleh</u>	<u>Dikawal oleh</u>	<u>Diluluskan oleh</u>
T/Tangan			
Nama	HAMIDI BIN HARUN	WAN MOHAMAD BIN WAN DAUD	
Jawatan	Pen. Pengarah Kanan Unit Integriti & Governans	Ketua Unit Integriti & Governans	

REKOD SEMAKAN

Tarikh	No. Semakan	Muka Surat	Keterangan Semakan	Tarikh Semakan

1.0 TUJUAN

Polisi Konflik Kepentingan KPTMSB ini dibangunkan sebagai panduan untuk warga KPTMSB bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dalam melaksanakan tugas rasmi.

2.0 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua warga KPTMSB termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan rakan strategik KPTMSB.

3.0 RUJUKAN

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

4.0 DEFINISI

PERKARA	DEFINISI
Konflik Kepentingan	Konflik Kepentingan boleh timbul apabila warga KPTMSB termasuk Lembaga Pengarah mempunyai kepentingan atau kuasa dalam sesuatu jawatan yang disandang serta mempunyai kapasiti untuk mempengaruhi sesuatu keputusan atau tindakan dalam melibatkan hal peribadi atau pihak ketiga/rakan strategik.
BSM	Bahagian Sumber Manusia
IGU	Unit Integriti dan Governans
JSM	Jabatan Sumber Manusia
KB	Ketua Bahagian/ Jabatan/ Seksyen/ Unit/ Pengarah Kampus Cawangan KPTM/Naib Canselor UPTM
KPTMSB	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.
Lembaga Pengarah	Ahli Lembaga Pengarah KPTMSB
PGH	Pengarah Kampus
Persepsi	Konflik yang dirasakan wujud apabila ia boleh dilihat secara munasabah, atau menunjukkan bahawa wujud unsur kepentingan dan boleh mempengaruhi keputusan/ aktiviti berkaitan kerja Lembaga Pengarah dan/atau warga KPTMSB secara tidak wajar.
Pihak ketiga	Termasuk sesiapa sahaja yang pada bila-bila masa melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak KPTMSB, termasuk sesiapa sahaja yang terlibat (dengan kontrak atau sebaliknya) atau dibayar untuk mewakili mana-mana entiti di

	KPTMSB seperti pembekal, vendor, kontraktor, sub-kontraktor, perunding, ejen, wakil, kenalan perniagaan dan pengenalan.
Rakan Strategik	Pihak yang memberi/ menerima perkhidmatan atau pembekalan kepada/ daripada KPTMSB.
Saudara	Tafsiran 'saudara' dibuat mengikut Seksyen 3 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). "saudara", berhubungan dengan seseorang, ertinya— a) isteri atau suami orang itu; b) adik atau abang atau kakak orang itu; c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu; d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu; e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu; f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b); g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau h) menantu orang itu;
Sekutu	Tafsiran 'sekutu' dibuat mengikut Seksyen 3 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). "sekutu", berhubungan dengan seseorang, ertinya— a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu; b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu; c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam perniagaannya atau hal ehwalnya; d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian *Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau

	syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika— f) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau g) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.
SSMO	Seksyen Sumber Manusia dan Organisasi
Warga KPTMSB	Semua warga KPTMSB termasuk pengurusan kanan, pengurus, eksekutif, bukan eksekutif, ahli akademik dan pakar yang diambil bekerja oleh syarikat. Ini juga meliputi warga KPTMSB tetap, warga KPTMSB kontrak, warga KPTMSB sementara, sambilan, pelatih dan mereka yang dipinjamkan daripada agensi lain.
SUS	Seksyen Urus Setia
Syarikat	Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.
Tugas Rasmi	Tugas yang berkaitan dengan tugas hakiki di KPTMSB atau mana-mana arahan yang diberikan oleh Ketua Bahagian (KB).
UPTM	Universiti Poly-Tech Malaysia

5.0 KATEGORI KONFLIK KEPENTINGAN

5.1 Semua warga KPTMSB bertanggungjawab untuk mengurus konflik kepentingan secara berterusan dan segera melaporkan konflik kepentingan, melepaskan diri dari membuat keputusan dan tidak berusaha untuk mempengaruhi sesuatu pihak yang lebih berkuasa.

5.2 Konflik kepentingan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:

5.2.1 Pemilikan ekuiti dalam entiti yang mempunyai hubungan perniagaan dengan KPTMSB:

Ahli Lembaga Pengarah atau warga KPTMSB yang mempunyai saham dalam entiti milik persendirian yang mana mempunyai hubungan perniagaan dengan KPTMSB, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

5.2.2 Pengarahan, perkongsian atau faedah lain yang bermanfaat bagi mempunyai hubungan perniagaan dengan KPTMSB:

Situasi di mana warga KPTMSB memegang jawatan yang mempunyai kepentingan dalam entiti yang mempunyai hubungan perniagaan dengan KPTMSB. Sebagai contoh warga KPTMSB adalah pengarah kepada syarikat pembekal KPTMSB. Situasi seperti itu akan mengakibatkan konflik kepentingan.

5.2.3 Pekerjaan sambilan lain:

Potensi berlakunya konflik kepentingan apabila warga KPTMSB mempunyai pekerjaan sambilan atau perniagaan yang lain. Seorang warga KPTMSB seharusnya menumpukan waktu, perhatian dan komitmennya pada tugas yang diberi. Konflik kepentingan terjadi di mana pekerjaan atau perniagaan sambilan tersebut menuntut waktu, perhatian dan komitmen warga KPTMSB yang berlebihan, sehingga menjejaskan prestasi KPTMSB.

5.2.4 Hubungan saudara:

Konflik kepentingan akan berlaku sekiranya ahli keluarga warga KPTMSB mempunyai hubungan pelaporan kerja dengan warga KPTMSB tersebut. Misalnya, warga KPTMSB berada di jabatan/ bahagian/ cawangan yang sama dengan keluarganya, dia tidak boleh secara langsung atau tidak langsung mengawasi/ menilai atau berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi pengambilan, penugasan kerja atau penilaian saudara/ sekutunya keluarganya. Konflik kepentingan juga akan timbul jika seorang ketua atau warga KPTMSB mempunyai anggota keluarga yang berkepentingan (misalnya dalam Jabatan Sumber Manusia, Lembaga Pengarah, Ketua Kampus Cawangan) dalam entiti mempunyai perjanjian kontrak dengan KPTMSB.

6.0 PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN WARGA KPTMSB

- 6.1 Semua warga KPTMSB wajib mengisi borang **Aku Janji Konflik Kepentingan (Borang A)** dan perlu mengemaskini maklumat setiap kali berlaku perubahan/ penambahan maklumat.
- 6.2 Warga KPTMSB yang baharu dilantik perlu mengisi **Borang A** semasa melapor diri.

6.3 **Borang A** asal hendaklah diserahkan kepada JSM/ SSMO/ BSM untuk disimpan di dalam Fail Peribadi.

6.4 Sesalinan **Borang A** hendaklah disimpan oleh IGU sebagai rekod rujukan.

7.0 PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN BAGI PROSES KERJA

7.1 Mana-mana Ahli Lembaga Pengarah atau warga KPTMSB yang mempunyai konflik kepentingan hendaklah mengecualikan dari terlibat dalam apa-apa proses kerja berkaitan.

7.2 Urus Setia mesyuarat hendaklah merekodkan pengisytiharan konflik kepentingan (sekiranya ada) dan tindakan warga KPTMSB tersebut perlu meninggalkan mesyuarat dan dicatatkan dalam minit mesyuarat.

8.0 TANGGUNGJAWAB DAN KOMITMEN

8.1 KB bertanggungjawab memastikan polisi ini dipatuhi oleh semua warga KPTMSB di bawah seliaannya.

8.2 Lembaga Pengarah dan warga KPTMSB bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan mengurus konflik kepentingan secara berterusan seperti berikut:

- i. Memahami dan mematuhi Polisi ini;
- ii. Mengelakkan, di mana mungkin, situasi yang menimbulkan konflik kepentingan seperti yang diterangkan dalam Polisi ini;
- iii. Bersikap telus tentang apa-apa yang dilihat sebagai potensi konflik kepentingan atau konflik kepentingan sebenar dan serta-merta membuat pengisytiharan mengikut Polisi ini;
- iv. Mengeluarkan diri mereka daripada proses membuat keputusan dan berusaha untuk tidak mempengaruhi keputusan tersebut dengan lebih lanjut; dan
- v. Mendapatkan nasihat daripada Ketua IGU apabila wujudnya keraguan.

9.0 KEGAGALAN PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Kegagalan untuk mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah **Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB 2022** yang sedang berkuatkuasa.

10. REKOD

**Borang Aku Janji Konflik Kepentingan Ahli Lembaga Pengarah/ Warga KPTMSB KPTMSB
(Borang A)**



AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN

Saya Nombor Kad Pengenalan dengan ini saya mengisytiharkan bahawa penama di dalam Jadual 1 adalah mempunyai hubungan saudara/sekutu dengan saya semasa saya berkhidmat di KPTMSB.

Jadual 1: Butiran Warga KPTMSB

Bil	Nama Warga KPTMSB Yang Mempunyai Hubungan saudara/sekutu Dengan Penama	Hubungan*	Jawatan	Cawangan

Sila guna lampiran jika perlu.

*Rujuk **Jadual 2**.

Saya mengaku bahawa semua maklumat di atas adalah benar dan saya akur sekiranya didapati telah memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan mengikut peruntukan dalam **Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB 2022**.

Tandatangan :
 Nama :
 Jawatan :
 Tempat Bertugas :
 Tarikh :

Jadual 2:

Definisi	Keterangan
Saudara	Tafsiran 'saudara' dibuat mengikut Seksyen 3 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). "saudara", berhubungan dengan seseorang, ertinya— (a) isteri atau suami orang itu; (b) adik atau abang atau kakak orang itu; (c) adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu; (d) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu; (e) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu; (f) orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b); (g) bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau (h) menantu orang itu;
Sekutu	Tafsiran Sekutu adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). "sekutu", berhubungan dengan seseorang, ertinya— (a) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja orang itu; (b) mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal orang itu; (c) mana-mana organisasi yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam, perniagaannya atau hal ehwalnya; (d) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang orang itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaan atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya orang itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau (e) pemegang amanah mana-mana amanah, jika – i) amanah itu telah diwujudkan oleh orang itu; atau ii) nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh orang itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, samada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu;

PENYATAAN POLISI KONFLIK KEPENTINGAN KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.

Semua Ahli Lembaga Pengarah atau warga KPTMSB bertanggungjawab untuk mengurus konflik kepentingan secara berterusan dan segera melaporkan konflik kepentingan, melepaskan diri dari membuat keputusan dan tidak berusaha untuk mempengaruhi sesuatu pihak yang lebih berkuasa.

Selaras dengan itu, Ahli Lembaga Pengarah atau warga KPTMSB adalah dilarang sama sekali untuk:

- a. **Memiliki ekuiti dalam entiti yang mempunyai hubungan perniagaan dengan KPTMSB;**
- b. **Menjawat jawatan Pengarah, mempunyai perkongsian atau faedah lain yang bermanfaat bagi mempunyai hubungan perniagaan dengan KPTMSB;**
- c. **Membuat kerja sambilan lain dalam waktu bertugas; dan**
- d. **Mempunyai hubungan peribadi dengan pegawai seliaannya;**

Kegagalan untuk mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB yang sedang berkuatkuasa.

Pernyataan Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Konflik Kepentingan KPTMSB.



.....
(RADZUAN BIN RAZALI)
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.